

R GB 25-02 00188 BC341

aab

Mahathir - Britain

KITA PELAJARI TINDAKAN EKONOMI DARI NEGARA BARAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata keputusan kerajaan mengetepikan syarikat-syarikat Britain dalam pemberian kontrak kerajaan merupakan satu bentuk tindakan ekonomi yang "dipelajari dari negara-negara Barat".

Katanya kalau negara-negara Barat boleh mengugut hendak menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) kerana sebab-sebab kononnya (Malaysia) tidak menghormati hak asasi manusia dan alam sekitar, Malaysia juga boleh berbuat demikian.

Beliau berkata walaupun malang sekali (ekoran tindakan itu) beberapa syarikat Britain yang tulen terabit sama, ini kerana "kita tidak boleh ambil tindakan terhadap mereka satu persatu" tetapi dipercayai ada antara syarikat itu turut sama menabur fitnah memburuk-burukkan pemimpin negara ini, terutamanya beliau.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita semasa mengulas keputusan kerajaan untuk tidak melayani syarikat-syarikat Britain dalam pemberian kontrak kerajaan yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Sebelum itu beliau menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim dan berbuka puasa anjuran Persatuan Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan di Bangunan Lembaga Urusan Tabung Haji. -- Lagi

▼25/02/21-32MST

R GB 25-02 00163 BC342

aab

Mahathir - Britain 2 Kuala Lumpur

"Kalau kita beri kontrak kepada syarikat Britain, kita akan dituduh bermacam-macam, jadi lebih baiklah kita tak bagi kontrak langsung," katanya, dan menambah bahawa kerajaan tidak akan menuntut maaf atau membantah sikap media Britain yang memainkan peranan utama dalam menaburkan fitnah terhadap kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri berkata tindakan itu tidak seharusnya menjejaskan hubungan dua hala Kuala Lumpur-London kerana kerajaan tidak mempunyai masalah dengan kerajaan Britain.

"Kita hanya membalas tindakan media Britain. Nampaknya media mereka masih mempunyai fikiran penjajah serta berprasangka bahawa orang yang bukan kulit putih mudah disogok dan boleh disogok bila-bila masa, termasuk dengan harga US\$50,000," katanya.

Ketika ditanya sampai bilakah pendirian kerajaan, Dr Mahathir berkata: "kita akan terus begini sehinggalah media Britain berubah sikap."

Bagaimanapun, menurutnya hanya kontrak-kontrak yang belum dan dalam proses untuk ditandatangani akan terabit dengan keputusan itu sementara kontrak-kontrak yang sudah dimeterai akan terus dihormati oleh kerajaan Malaysia. -- Lagi

▼25/02/21-42MST

aab

Mahathir - Britain 3 Kuala Lumpur

"Mungkin disebabkan keputusan itu, projek Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLTA) akan terjejas sedikit, tetapi tidak apa, kerana ada orang lain yang boleh menjalankannya," katanya. Dilaporkan bahawa sebuah konsortium Britain-Jepun terbabit dengan pembinaan lapangan terbang itu di Sepang.

Beliau turut berkata Pesuruhjaya Tinggi Britain menemuinya petang ini cuba memujuk supaya kerajaan mengubah sikap tetapi Dr Mahathir berpendapat tindakan Duncan Slater itu agak terlambat kerana keputusan telah dibuat dan diumumkan. Katanya Slater menyesali perkembangan terbaru itu.

Semasa ditanya apakah kerajaan bersedia menghadapi tindakan balas media Britain, Perdana Menteri berkata: "kita akan lihat perkembangan selanjutnya... alang-alang menyeluk pekasan biar sampai ke pangkal lengan".

Dr Mahathir berpendapat tindakan itu satu pengajaran kepada sikap media bebas yang diamalkan di negara-negara Barat yang akhirnya disalahguna sehingga merugikan kepentingan negara.

Katanya kerajaan sokong kebebasan akhbar tetapi kebebasan itu hendaklah disertai dengan sikap bertanggungjawab dan di Malaysia akhbar amat bersikap bertanggungjawab. -- Lagi

▼25/03/22-00MST

CNS9042

R GB 25-02 00142 BC344

aab

Mahathir - Britain 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata pada mulanya kerajaan bertolak ansur dengan sikap media Britain termasuk dalam cubaan mereka menjatuhkan kerajaan Major tetapi setelah media itu cuba mengaitkan kepentingan Malaysia, tindakan yang berkesan harus diambil.

"Mula-mula kita bersabar, dia cuba kaitkan kita dengan Pergau, MOU, BMF dan macam-macam lagi, lebih-lebih lagi tuduhan rasuah sehingga sampai ke tahap di mana kita tidak boleh terima lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berpendapat bahawa antara media yang terbabit dengan melempar tuduhan itu dimiliki oleh Rupert Murdoch.

Katanya beliau hanya mahukan media Britain melaporkan yang benar dan jangan cuba mengelirukan laporan mereka dengan cerita-cerita karut.

"Ini sesuatu yang mereka tidak boleh buat (melaporkan yang benar) kerana mereka tidak faham apa yang dikatakan sebagai kebenaran," katanya.

-- Bernama

ZV RON

CNS9054

R GB 25-02 00116 BA265

aab

Mahathir - Britain 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Sambungan berita awal)

Sementara itu, di Shah Alam, Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhamad Taib malam ini berkata, keputusan Kabinet itu merupakan satu tindakan berani untuk memelihara maruah negara daripada tuduhan tidak berasas oleh media Britain terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhammad, yang juga Naib Presiden UMNO berkata, tindakan media Britain itu seolah-olah mahu menjajah semula negara-negara sedang membangun dengan mempertikaikan kewibawaan pemimpin seperti Dr Mahathir.

Beliau dukacita kerana media Britain menjadi penyebar berita palsu serta membuat tuduhan sewenang-wenang dan menjadikan pemimpin negara .. membangun sebagai sasaran. -- Bernama

ZV RON MNY ZU